

# Berfikir di luar kotak: PM

BA- 17/11/2007

## Abdullah mahu sekolah beri penekanan lahirkan pelajar kreatif, inovatif

Oleh Kadir Dikoh  
dan Mohd Feroz Abu Bakar

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu sekolah melahirkan pelajar yang dapat 'berfikir di luar kotak' supaya mereka lebih kreatif dan inovatif apabila memasuki alam pekerjaan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata kurikulum persekolahan perlu memberi penekanan terhadap usaha melahirkan pelajar yang bukan saja celik huruf, malah celik minda.

Katanya, usaha itu selaras dengan jenis modal insan yang kerajaan mahu lahirkan iaitu generasi celik minda dan mempunyai kekuatan mental bagi menghadapi cabaran lebih kompetitif pada masa akan datang.

"Usaha ini terletak pada tangan warga pendidik hari ini untuk me-

lahirkan generasi cemerlang seperti itu, bukan saja mencapai cita-cita Wawasan 2020, malah selepas itu.

"2020 bukan tahun penamat tetapi usaha yang perlu disambung generasi akan datang, mahu menjadikan Malaysia lebih maju," katanya ketika melancarkan Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan 2006-2010 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Pelan itu menggariskan semua perancangan dan projek yang akan dilaksanakan Kementerian Pelajaran sehingga 2010 dengan tumpuan mengurangkan sekolah kurang murid (SKM), mengatasi kadar keciciran pelajar dan memperkasa sekolah kebangsaan (SK) terutama di luar bandar supaya menjadi sekolah pilihan utama masyarakat.

LIHAT MUKA 3

Lagi berita di muka 3, 4, 5, dan 6

